



KENYATAAN MEDIA
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN
BERHUBUNG
RAMADHAN 1441H DI NEGERI SEMBILAN

Setelah mendapat perkenan Ke Bawah DYMM Tuanku Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada 21 April 2020 dan dengan persetujuan YTM Dato'-Dato' Undang Yang Empat serta Tunku Besar Tampin, maka YB. Sahibus Samahah Dato Mufti Kerajaan Negeri Sembilan menerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah bersetuju berhubung kaifiat solat sunat tarawih dan zakat fitrah sepanjang bulan Ramadan 1441H seperti yang berikut:

1. Solat sunat tarawih hanya dibenarkan di rumah masing-masing. Tidak dibenarkan untuk menunaikan solat sunat tarawih di masjid, surau atau tempat-tempat lain dalam bentuk berkumpulan.
2. Iktikaf tidak dibenarkan di masjid dan surau.
3. Tidak dibenarkan berkumpul untuk menjalankan apa-apa aktiviti agama.
4. Kadar zakat fitrah pada tahun 1441H ini adalah pada nilai RM 7.00 seorang;
5. Mengambil kira situasi masyarakat Islam sedang melalui waktu kesukaran dan kesusahan sepanjang tempoh PKP penularan pandemik COVID-19 ini, jumlah bayaran zakat fitrah yang wajib ditunaikan adalah bergantung kepada kemampuan pembayar atau ketua keluarga.

Contoh:

En.Abu seorang ketua keluarga yang mempunyai seorang isteri dan 5 orang di bawah tanggungannya (jumlah 7 orang semuanya), namun kemampuan En. Abu pada ketika ini hanya dapat menunaikan zakat fitrah untuk 3 orang sahaja. Maka kewajipan zakat fitrah En. Abu bagi tahun 1441H ini ialah untuk 3 orang sahaja ahli keluarganya iaitu sebanyak RM21.00 sahaja dengan mengambil kira kadar zakat fitrah sebanyak RM7.00 seorang.

6. Begitu juga, dalam tempoh kesukaran masyarakat Islam menunaikan Zakat Fitrah dengan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, kaedah pembayaran zakat fitrah di Negeri Sembilan adalah secara dalam talian "ONLINE" sepenuhnya. Kaedah pelaksanaan pembayaran zakat fitrah secara dalam talian "ONLINE" akan diperjelas oleh pihak Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan.
7. Oleh yang demikian, selaras dengan langkah-langkah pencegahan membendung penularan pandemik COVID-19 di kalangan masyarakat Islam di Negeri Sembilan, maka TIADA pelantikan Amil Zakat Fitrah di kalangan amil kampung di Negeri Sembilan bagi tahun 1441H/2020M;
8. Dalam tempoh PKP dan mengambil kira kesukaran dan kesusahan sebahagian masyarakat Islam, setelah berusaha sedaya upaya untuk menunaikan zakat fitrah secara dalam talian "ONLINE", namun masih juga tidak berjaya, sama ada disebabkan masalah talian dan sebagainya, sehingga berlalunya bulan Ramadan, maka boleh dan hendaklah dibayar zakat fitrah secara Qada' setelah tempoh PKP ini ditamatkan.

DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI HUSEIN
PENGERUSI
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN
22 APRIL 2020